

PENYATAAN SAKSI DI BAWAH SEKSYEN 112 KANUN TATACARA JENAYAH EDMUND BON TAI SOON MENGENAI PENYIASATAN DI BAWAH AKTA HASUTAN 1948

- I. Nama saya Edmund Bon Tai Soon. Saya mula menjadi pelatih dalam kamar di Tetuan Chooi & Co. pada tahun 1997 dan telah diterima masuk sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1998. Kini, saya beramat dalam nama dan cara di Tetuan BON.
2. Saya ingin menegaskan bahawa Akta Hasutan 1948 adalah tidak berperlembagaan kerana ia melanggar perkara 5(1), 10(1)(a) dan 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, saya berjanji untuk bekerjasama dengan pihak polis kerana saya faham ini adalah tanggungjawab pihak polis dan mereka hanya bertindak atas arahan.

Surat peguamcara Tetuan BON bertarikh 17.9.2014 dan emel balasan ASP Zaidi Rahman bertarikh 18.9.2014

3. Daripada emel balasan ASP Zaidi Rahman bertarikh 18.9.2014, saya difahamkan bahawa terdapat 5 individu yang telah membuat laporan-laporan polis terhadap saya ekoran kenyataan saya dalam artikel yang diterbitkan oleh 'The Malaysian Insider'. Tajuk artikel tersebut adalah 'Bukan Islam tidak perlu patuh kepada titah diraja atau fatwa, kata peguam'. Pautan laman web artikel ini adalah '<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bukan-islam-tidak-perlu-patuh-kepada-titah-diraja-atau-fatwa-kata-peguam>'.
4. Merujuk kepada emel balasan ASP Zaidi Rahman tersebut, pengambilan pernyataan saksi daripada saya adalah dibuat di bawah peruntukan seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah.
5. Merujuk kepada emel balasan tersebut, saya juga difahamkan bahawa dalam laporan-laporan polis tersebut, 5 individu tersebut mengadu kenyataan-kenyataan yang saya buat dalam artikel yang telah dinyatakan di atas telah:
 - a) Mempersoalkan kuasa DYMM YDP Agong dan Majlis Fatwa Kebangsaan berkaitan dengan memelihara kesucian agama Islam dan juga kalimah Allah.
 - b) Menyeru rakyat untuk tidak patuh pada titah DYMM YDP Agong.
 - c) Menghina DYMM YDP Agong sebagai ketua Negara yang mempunyai fungsi terhadap agama Islam yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan.

Kronologi peristiwa

6. Pada atau sekitar 20.1.2014, saya telah menerima temubual melalui perbualan telefon dengan seorang wartawan daripada 'The Malaysian Insider' yang bernama V. Anbalagan. Beliau telah meminta saya untuk memberi pandangan undang-undang mengenai aplikasi suatu fatwa yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1986 bahawa sesetengah perkataan termasuk kalimah Allah adalah hak eksklusif milik umat Islam dan bukannya bagi orang bukan Islam.

7. Sepanjang temubual tersebut, saya telah bertutur dalam bahasa Inggeris dan tidak pernah menggunakan Bahasa Malaysia semasa saya memberikan pendapat saya.
8. Saya telah memberikan pendapat mengenai undang-undang bawah titah DYMM YDP Agong yang merujuk dan berdasarkan fatwa pada 1986 adalah tidak terpakai terhadap orang bukan Islam kerana orang bukan Islam tidak boleh didakwa di Mahkamah Syariah. Saya juga telah membuat rujukan kepada kes **Sulaiman bin Takrib v Kerajaan Negeri Terengganu (Kerajaan Malaysia, intervener) and other applications** [2009] 6 MLJ 354.
9. Mahkamah Persekutuan dalam kes Sulaiman bin Takrib tersebut telah memutuskan bahawa fatwa itu sendiri tidak mewujudkan satu kesalahan tetapi enakmen-enakmen yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri-Negeri yang mempunyai kuasa untuk membentuk kesalahan-kesalahan terhadap penganut-penganut agama Islam yang menjadikan tindakan mengingkari fatwa suatu kesalahan. Oleh yang demikian, sesuatu fatwa atau kesalahan di bawah undang-undang pentadbiran agama Islam hanya boleh digunakan terhadap umat Islam.
10. Pandangan saya ini adalah selaras dengan kedudukan undang-undang seperti yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dan kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah.
11. Saya menegaskan bahawa pandangan saya dalam artikel tersebut tidak mempunyai kecenderungan menghasut.
12. Saya telah menyatakan kedudukan undang-undang berdasarkan soalan yang dikemukakan kepada saya oleh V. Anbalagan dalam konteks yang telah dinyatakan di atas.
13. Seperti yang termaktub dalam perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan, saya berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara untuk memberikan pandangan dan pendapat saya mengenai undang-undang sebagai seorang pengamal undang-undang yang berpengalaman dalam perkara-perkara mengenai Perlembagaan Persekutuan.

Aduan

14. Saya ingin menegaskan bahawa 5 individu yang membuat laporan-laporan polis tersebut telah, secara sengaja atau cuai, tersilap mentafsir perkataan-perkataan dalam artikel tersebut. Adalah jelas dan nyata bahawa dalam artikel tersebut, saya berpendapat bahawa fatwa adalah tidak terpakai terhadap orang bukan Islam sahaja.
15. Saya juga ingin menegaskan bahawa dalam artikel tersebut, saya tidak pernah menyatakan bahawa fatwa adalah tidak terpakai terhadap seluruh rakyat atau penganut-penganut Islam.
16. Suatu penyiasatan perlu dilaksanakan terhadap laporan-laporan polis yang dibuat oleh 5 individu tersebut kerana laporan-laporan tersebut adalah tidak benar dan

telah dibuat dengan niat untuk mencetuskan rasa permusuhan terhadap individu-individu yang mempunyai pandangan yang berbeza.